



HAD-HAD PUKULAN YANG DIBENARKAN TERHADAP ISTERI MENURUT AL-QURAN DAN HADIS

(Limits of Physical Discipline Allowed Against Wife According to Quran and Hadith)

Muhammad Izzat Akmal¹, Ainun Mardhiah²

^{1,2} Fakulti Syariah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstract

Happiness in marriage has a significant impact and is capable of preventing undesirable occurrences. Having a happy family is a dream for every individual. Through marriage, a feeling of happiness known as "al-sa'adah" is born. It is the duty and responsibility of the husband to educate his wife to obey all of Allah's commands. The Quran and Hadith serve as a comprehensive guide for humanity, encompassing all matters, including the management of marriage. Unfortunately, not all marriages provide the happiness envisioned by every married individual. A husband is permitted to strike his wife with the intention of educating and teaching for her betterment, not to vent anger or seek revenge. To what extent such physical discipline is considered permissible according to Islamic law is explored. The objective of this study is to examine the permissible limits of physical discipline on wives according to the Quran and Hadith. The research design is qualitative, utilizing document analysis as the data collection method, and textual analysis as the data analysis method. The findings of the study reveal that there are limits and guidelines permitted for disciplining wives according to Islamic law.

Kata Kunci: Alatan Pemukul, Had Pukulan, Isteri, Mendidik, Nusyuz

Article Progress

Received: 29 August 2023
Revised: 19 September 2023
Accepted: 28 October 2023

*Corresponding Author:
Muhammad Izzat Akmal
Fakulti Syariah, UNIPAS

Email:
ybizzat55@gmail.com

PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan suatu akad yang menghalalkan perhubungan antara lelaki dan perempuan untuk hidup bersama dan menentukan hak-hak serta tanggungjawab mereka (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, n.d.). Mempunyai sebuah keluarga bahagia adalah impian bagi setiap individu yang berkahwin. Melalui perkahwinan akan lahir satu perasaan *al-sa'adah*.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, kebahagiaan itu terbahagi kepada dua dimensi kehidupan iaitu kehidupan di dunia dan akhirat (Aziz, 2009). Perkahwinan membentuk sebuah institusi keluarga Islam. Anjuran berkahwin merupakan bukti Islam meraikan fitrah manusia yang hidup berpasangan (Norsaadah Din, et.all, 2014).

Hakikat yang berlaku, perkahwinan tidak memberikan kebahagiaan seperti yang di impikan. Kegagalan mencapai kebahagiaan dalam perkahwinan berpunca daripada kegagalan pasangan dalam memenuhi tugas dan tanggungjawab (Aziz, 2009). Justeru, benarlah hadis nabi yang diriwayatkan oleh Imam Malik yang menyatakan bahawa "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (*al-Quran*) dan *sunnah* Nabi-Nya (*Sunnah Nabi SAW*)". Al-Quran dan hadis merupakan satu panduan kepada manusia untuk menjadi panduan dari segenap perkara termasuklah perihal pengurusan dalam perkahwinan (Ayoup@Ayub, 2017).

OBJEKTIF KAJIAN

Mengkaji had-had pukulan yang dibenarkan terhadap isteri menurut al-Quran dan hadis.

PERSOALAN KAJIAN

Apakah had-had pukulan yang dibenarkan terhadap isteri menurut al-Quran dan hadis?

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif. Menurut Strauss & Corbin (1997) penyelidikan kualitatif bermaksud penyelidikan yang dapat menghasilkan dapatan bukan daripada kaedah prosedur statistik atau pengiraan (Lebar, 2022). Kualitatif merupakan satu kaedah untuk meneroka dan mendalami (individu atau kumpulan) yang terlibat dengan permasalahan komuniti atau fenomena manusia (Muhammad Najib Abd Wakil, et.al, 2021).

Reka bentuk kajian kualitatif tidak terikat pada saiz sample. Menurut Patton (1990) tidak ada ujian yang statistik bagi mengukur kesignifikan sesuatu keputusan kajian kualitatif. Hammersley dan Atkinson (1983) menjelaskan bahawa reka bentuk merupakan satu proses refleksif secara automatik dan serentak untuk beroperasi melalui langkah kajian (Lebar, 2022).

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah menganalisis dokumen. Dokumen yang dimaksudkan oleh Bogdan dan Biklen (1998) adalah bahan yang terdiri daripada memo, surat, diari, rekod kes klinikal fotograf, filem, video boleh digunakan sebagai bahan tambahan dan sokongan dalam kajian (Lebar, 2022).

Kaedah analisis data akan menggunakan kaedah analisis tematik. Pencarian dalam keseluruhan data untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan pola berulang dalam sesuatu kajian digunakan dalam kaedah analisis. Penggunaan kaedah ini bertujuan menggambarkan data serta melibatkan proses memilih kod dan membina tema dalam sesuatu kajian yang dilakukan (Michelle E. Kiger & Lara Varpio, 2020).

Nusyuz Menurut Al-Quran

Nusyuz adalah apabila isteri tidak mentaati perintah dan permintaan daripada suaminya yang sah. Nusyuz ditafsirkan juga apabila isteri menjauhkan diri daripada suaminya termasuklah enggan berpindah mengikut suaminya ke tempat lain dan meninggalkan rumah tanpa kemahuan daripada suaminya. Surah an-Nisa ayat ke 34 menjelaskan tentang tanggungjawab seorang suami terhadap isterinya. Sekiranya bimbang isteri akan melakukan derhaka (nusyuz) maka ayat ini menerangkan bagaimana seorang suami perlu mengambil tindakan terhadap isteri sekiranya berlaku derhaka (Salam, 2015).

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۚ فَالصَّالِحَاتُ حَافِظَاتٌ لِّلْعَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۗ وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ ۚ فَإِنِ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبِعُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ ۝ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا﴾ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukul mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. (Surah an-Nisa:34)

Ayat ini secara jelas menyebut perkataan nusyuz yang dilakukan oleh perempuan-perempuan (isteri). Isteri dianggap nusyuz terhadap suami apabila seorang isteri itu melakukan tiga perkara iaitu yang pertama, seorang isteri menolak kemahuan suami untuk bersama tanpa alasan yang munasabah. Kedua, apabila seorang isteri keluar dari rumah tanpa mendapat keizinan suami dan yang terakhir adalah apabila seorang isteri membenarkan seseorang masuk kedalam rumah sedangkan suaminya membenci akan orang yang masuk itu (Salam, 2015).

Menurut ayat ini lagi, seorang isteri nusyuz apabila tidak mematuhi akan dua perkara iaitu, pertama tidak bertakwa kepada Allah SWT dan yang kedua adalah tidak mampu menjaga kehormatan diri serta kehormatan suami. Wanita (isteri) yang nusyuz terhadap suami adalah apabila isterinya menceritakan hal ehwal suaminya (keburukan) kepada orang lain. Selain itu juga, mengingkari perintah suami, berpaling dari suaminya bahkan membuat suaminya marah juga dianggap sebagai nusyuz (Erman, 2010).

Menuduh seorang isteri itu nusyuz tidak boleh pada sangkaan atau tuduhan semata-mata tanpa bukti yang kukuh. Seorang isteri itu telah melakukan nusyuz terhadap suaminya sekiranya telah melanggar segala hukum syarak yang ditetapkan. Sekiranya tiada bukti yang menunjukkan isteri berlaku nusyuz maka tidak boleh mengatakan isterinya nusyuz. Suami dengan yakin serta mengetahui bahawa isterinya telah nusyuz maka tuduhan nusyuz pada isteri adalah benar dan dibolehkan. Islam sebuah agama yang adil pada penganutnya dan tidak sewenang-wenangnya menghukum tanpa bukti kukuh (Wihidayati, 2017).

﴿وَإِنْ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُورًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ ۗ وَأُحْضِرَتِ الْأَنفُسُ الشُّحَّ ۗ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا﴾ ﴿١٢٨﴾

Maksudnya: Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan. (Surah an-Nisa:128)

Ayat ini menerangkan tentang suami yang nusyuz. Seorang suami nusyuz apabila timbul kebencian terhadap isterinya. Timbul perasaan ketidaksenangan dan menjauhi daripada isterinya adalah antara bentuk nusyuz pada suami. Perkataan nusyuz di dalam ayat ini digandingkan dengan perkataan إِعْرَاضًا (i'rad) yang membawa maksud berpaling. Perbezaan nusyuz pada suami adalah apabila meninggalkan atau menjauhi isteri, manakala i'rad pula adalah suami tidak menjauhi isterinya tetapi suami tidak menunjukkan dan memberi kasih sayangnya pada isteri. Suami i'rad belum pasti sabit nusyuz (Erman, 2010).

Menurut Zulkifli bin Mohammad al-Bakri, nusyuznya suami itu apabila membiarkan isteri tanpa memberi nafkah batin. Selain itu juga, menzalimi dan tidak memberi hak nafkah kepada isteri juga dikira nusyuz. Apabila suami mempunyai lebih daripada satu isteri (berpoligami) giliran bermalam tidak dibahagikan dengan adil maka suami telah berlaku nusyuz. Pengabaian terhadap isteri adalah nusyuz yang paling banyak dilakukan oleh suami (Al-Bakri, 2017).

Seorang isteri yang bimbang nusyuz akan suaminya iaitu apabila suami tidak menghiraukannya, tidak mempedulikannya dan sebagainya maka isterinya perlu mengadakan perdamaian diantara suami dan isteri. Seorang isteri hendaklah tetap taat pada suaminya walaupun suaminya nusyuz. Hal ini kerana, isterinya boleh mengugurkan hak wajibnya pada suaminya seperti bertolak ansur pada giliran bermalam dan mengurangkan hak nafkah wajib padanya. Apabila telah bersepakat keduanya maka tidak berdosa sekiranya berlaku persengketaan pada akan datang kerana perdamaian itu lebih baik daripada

berlakunya perceraian (Erman, 2010).

Ayat ini dijelaskan dan diperkuatkan dengan hadis riwayat Imam Muslim:

عَنْ عَائِشَةَ، فِي قَوْلِهِ عَزَّ وَجَلَّ: { وَإِنْ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا، أَوْ إِعْرَاضًا } قَالَتْ: نَزَلَتْ فِي الْمَرْأَةِ تَكُونُ عِنْدَ الرَّجُلِ، فَلَعَلَّهُ أَنْ لَا يَسْتَكْبِرَ مِنْهَا، وَتَكُونُ لَهَا صُحْبَةً وَوَلَدًا، فَتَكْرَهُ أَنْ يُفَارِقَهَا، فَتَقُولُ لَهُ: أَنْتَ فِي جِلِّ مِنْ شَأْنِي.

Maksudnya: "Dari Aisyah tentang firman Allah 'azza wajalla: "Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya." (An Nisaa` : 128) Ia berkata: (ayat ini) turun berkenaan tentang wanita yang hidup bersama suaminya, mungkin ia tidak mahu memperbanyak anak darinya, lalu (suami) ingin menceraikannya, ia telah lama menemaninya dan telah punya anak, ia tidak ingin suaminya menceraikannya lalu berkata: Engkau terbebas dari urusanku". (H.R. Muslim: 3021).

Ulama tafsir menyatakan bahawa firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 128 pada kalimah وَالصُّلْحُ خَيْرٌ yang sama membawa maksud "dan perdamaian itu lebih baik". Menurut Ibnu 'Abbas seorang suami berhak membuat pilihan samaada untuk kekal bertahan atau bercerai dengan isterinya supaya tidak terus mementingkan dan mendahulukan isteri-isteri yang lain (Syaiikh, Tafsir Ibnu Katsir, 2008).

Perdamaian antara dua pihak iaitu isteri memberi sebahagian haknya kepada suaminya dan suaminya menerima hak tersebut lebih baik daripada berlakunya perceraian. Perceraian itu dimurkai oleh Allah SWT walaupun perceraian (talak) itu boleh dilafazkan oleh suami. Mempertahankan perkahwinan dan berdamai antara isteri dan suami itu lebih baik dan mulia daripada perceraian (Syaiikh, Tafsir Ibnu Katsir, 2008).

Alatan Pemukul Yang Dibenarkan Menurut Syarak

Alat yang digunakan sebagai objek untuk memukul isteri di dalam al-Quran satu-satunya hanyalah terdapat di dalam surah Saad ayat ke 44 iaitu mengisahkan tentang sumpah Nabi Ayub AS terhadap isterinya. Di dalam ayat ini terdapat alat atau objek yang dijadikan sebagai alat untuk memukul isteri iaitu jerami/rumput.

﴿وَأَخَذَ بِيَدِكَ ضِعْفًا فَاصْرَبْ بِهِ وَلَا تَحْنُتْ ۗ إِنَّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا ۗ نِعْمَ الْعَبْدُ ۗ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٤٤﴾﴾

Maksudnya: "Dan (Kami perintahkan lagi kepadanya): "Ambilah dengan tanganmu seikat jerami kemudian pukul (isterimu) dengannya; dan janganlah engkau merosakkan sumpahmu itu". Sesungguhnya Kami mendapati Nabi Ayub itu seorang yang sabar; ia adalah sebaik-baik hamba; sesungguhnya ia sentiasa rujuk kembali (kepada Kami dengan ibadatnya)". (Surah Saad:44)

Nabi Ayub AS mendapat keringanan dalam melakukan hukuman terhadap isterinya. Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Ayub AS untuk mengambil segengam rumput untuk dijadikan alat memukul isterinya. Memukul isterinya dengan rumput ini cukup sebagai pengganti sumpah yang pernah dilafazkan oleh Nabi Ayub AS (Perpustakaan Nasional RI, 2011). Sumpah yang dilafazkan oleh Nabi Ayub AS itu adalah disebabkan kemarahannya terhadap isterinya yang bernama Rahmah Puteri Iffraim. Nabi Ayub AS bersumpah untuk memukul isterinya dengan seratus kali pukulaan akibat daripada kelewatan isterinya kembali kerumah setelah mendapat keperluan harian (Perpustakaan Nasional RI, 2011).

Pendapat lain mengatakan bahawa setelah Nabi Ayub AS sembuh daripada penyakitnya sumpah yang diungkapkan itu tidak dilaksanakan. Maka Allah SWT memerintahkan Nabi Ayub AS untuk mengambil seikat rumput yang mempunyai seratus helai rumput lalu dipukulkan kepada isterinya sebanyak sekali sebagai menunaikan sumpahnya (Syaiikh, Tafsir Ibnu Katsir, 2008). Objek yang boleh digunakan untuk memukul isteri adalah dengan menggunakan siwak. Pukulan menggunakan siwak tidak mendatangkan luka dan tidak mematahkan tulang isteri sekiranya isteri dipukul (Wihidayati, 2017). Menurut pendapat Hamka dalam kaedah memukul isteri adalah dengan menggunakan tangan yang

dibaluti dengan kain dan janganlah menggunakan tongkat dan cemeti sebagai alat untuk memukul isteri (Hamka, 2017).

Had-Had Pukulan Yang Dibenarkan Terhadap Isteri Oleh Suami

Memukul isteri adalah kaedah yang terakhir yang dicadangkan menurut surah An-Nisa ayat ke 34. Sebagaimana firman Allah SWT;

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۚ فَالصَّالِحَاتُ حَافِظَاتٌ لِّلْعُيُوبِ ۚ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۚ وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ ۚ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا﴾ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. (Surah an-Nisa:34)

Kaedah memukul dan cara memukul tidak dinyatakan di dalam ayat tersebut. Bagaimanakah kaedah yang disarankan untuk memukul isteri yang nusyuz? Memahami maksud pukul di dalam ayat tersebut ulamak memberi pentafsiran terhadap perkataan pukul tersebut. Pendefinisian memukul yang diberikan secara umum di dalam Kamus Dewan adalah mengenakan sesuatu yang keras dengan kuat, mengetuk, merempuh, melanggar dan menyerang. Pendefinisian memberi maksud suatu pukulan yang boleh menyebabkan kecederaan. Pentafsiran terhadap perkataan pukul di dalam ayat ke 34 surah an-Nisa adalah suatu pukulan yang tidak kuat terhadap isteri (Wihidayati, 2017).

Berdasarkan surah an-Nisa ayat ke 34, seorang suami boleh memukul isterinya sekiranya berlaku nusyuz. Sebelum memukul isteri, suami mestilah mengikuti aturan dan turutan yang diberikan di dalam surah ini. Pertama, menasihati isteri. Menasihati isteri itu adalah dengan mengingatkan kembali akan ilmu dan pesanan-pesanan daripada al-Quran mengenai tanggungjawab sebagai seorang isteri (Fairuzabadi, 2011). Kedua adalah dengan memisahkan tempat tidur mereka. Pada tahap kedua dalam melakukan hukuman terhadap isteri yang nusyuz adalah dengan memisahkan isteri daripada tempat tidurnya sekira kaedah pertama (menasihati) tidak memberi kesan terhadap isteri. Memisahkan tempat tidur bermaksud memalingkan pandangan daripada melihat wajah isteri ketika tidur di tempatnya (Fairuzabadi, 2011).

Sekiranya kedua kaedah tersebut tidak memberi kesan kepada isteri maka lakukan kaedah ketiga iaitu dengan memukul isteri. Memukul isteri yang dimaksudkan di dalam ayat ini adalah dengan pukulan yang tidak melukai dan tidak memberikan kesan kekal pada anggota badan (Fairuzabadi, 2011). Memukul isteri dengan pukulan mendidik dan bukan pukulan yang menyakiti, tidak mematahkan tulang, tidak menyebabkan luka dan sebagainya. Hal ini kerana, tujuan memukul adalah untuk memperbaiki dan memperbaiki isteri daripada melakukan kesalahan dan itulah kaedah yang dapat membetulkan isteri untuk memenuhi hak suaminya (Hifnawi, 2013). Memukul isteri bukanlah dengan penuh emosi dan perasaan dendam tetapi memukul isteri adalah untuk mendidiknya supaya kembali taat kepada perintah suami.

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud;

عَنْ حَكِيمِ بْنِ مُعَاوِيَةَ الشُّشَيْرِيِّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ فُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا حَقُّ زَوْجَةٍ أَحَدِنَا عَلَيْهِ قَالَ أَنْ تُطْعَمَهَا إِذَا طَعِمْتَ وَتَكْسُوَهَا إِذَا اكْتَسَيْتَ أَوْ اكْتَسَبْتَ وَلَا تَضْرِبَ الْوَجْهَ وَلَا تُفَبِّحَ وَلَا تَهْجُرَ إِلَّا فِي الْبَيْتِ قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَلَا تُفَبِّحَ أَنْ تَقُولَ فَبَّحَكَ اللَّهُ

Maksudnya: “Dari Hakim bin Mu’awiyah Al Qusyairi dari ayahnya, ia berkata; aku katakan; wahai Rasulullah, apakah hak isteri salah seorang diantara kami atasnya? Beliau berkata: "Engkau memberinya makan apabila engkau makan, memberinya pakaian apabila engkau berpakaian, janganlah engkau memukul wajah, jangan engkau menjelek-jelekannya (dengan perkataan atau cacian), dan jangan engkau tinggalkan kecuali di dalam rumah." Abu Daud berkata; dan janganlah engkau menjelek-jelekannya (dengan perkataan atau cacian) dengan mengatakan; semoga Allah memburukkan wajahmu”. (H.R. Abu Daud: 1830)

Hadis ini menerangkan bahawa Rasulullah SAW mengingatkan supaya tidak memukul pada wajah isteri. Tidak melafazkan perkataan yang menghina atau cacian kepada isteri. Tidak memukul isteri di tempat terbuka adalah antara had yang dibenarkan dalam memperlakukan hukuman terhadap isteri (Wihidayati, 2017). Hamka menjelaskan bahawa sekiranya hendak memukul isteri janganlah menyebabkan terjadinya luka, janganlah sampai patah tulangnya, janganlah memberi kesan kekal dan janganlah serta jauhilah daripada memukul muka kerana disitu tempat terkumpulnya segala kecantikan seorang isteri. Pukulan yang dilakukan terhadap isteri itu hendaklah bukan disatu tempat yang sama sahaja (Hamka, 2017).

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang menjelaskan bahawa seseorang tidak boleh di pukul atau dihukum lebih dari sepuluh kali kecuali hukuman berkaitan hudud. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

عَنْ أَبِي بُرْدَةَ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَا يُجْلَدُ أَحَدٌ فَوْقَ عَشْرَةِ أَسْوَاطٍ إِلَّا فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ

Maksudnya: “Dari Abu Burdah Al Anshari, bahawa dia pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Seseorang tidak boleh didera lebih dari sepuluh kali, melainkan hukuman yang telah jelas ditetapkan oleh Allah”. (H.R. Muslim: 1708)

Terdapat dua kaedah dalam membaca hadis ini iaitu pada perkataan *يُجْلَدُ*. Pertama adalah dengan membaca fathah pada huruf *ي* dan kasrah pada huruf *ل* yang membawa maksud (mendera). Kaedah bacaan kedua adalah dengan membaca dhammah pada huruf *ي* dan fathah pada huruf *ل* yang membawa maksud (didera). Kedua – dua sebutan adalah shahih (An-Nawawi, 2011). Ulama berbeza pendapat dalam memberi tafsiran pada hukuman ta’zir. Sebahagian ulama (Imam Ahmad bin Hambal dan Ashab Al Maliki) berpendapat dan berpegang pada pendapat tidak boleh menambah bilangan pukulan melebihi sepuluh pukulan. Manakala majoriti ulama daripada kalangan sahabat dan tabi’in serta sesudah pada mereka berpendapat bahawa jumlah pukulan tersebut boleh ditambah (An-Nawawi, 2011).

KESIMPULAN

Melalui penjelasan dan huraian yang diberikan dapat disimpulkan bahawa perbuatan nusyuz tidak hanyalah terjadi pada isteri bahkan seorang suami juga boleh menjadi nusyuz menurut al-Quran dan hadis. Sebagaimana persepsi masyarakat bahawa nusyuz itu hanyalah pada isteri maka di dalam bab ini telah menjelaskan bahawa nusyuz itu boleh terjadi kepada dua belah pihak iaitu suami dan isteri. Di dalam bab ini juga menjelaskan tentang alat – alat yang dibenarkan menurut syarak untuk dijadikan sebagai objek atau alat pukulan. Antara alat – alatnya adalah:

- i. Jerami/ rumput.

- ii. Siwak.
- iii. Tangan yang dibaluti kain.

Seorang suami tidak dibenarkan memukul isteri tanpa had dan batasan. Jelas di dalam al-Quran ada panduan yang diberikan untuk mendidik isteri. Mendidik isteri adalah tugas dan tanggungjawab suami dalam membentuk sebuah keluarga bahagia. Kaedah yang dianjurkan dalam memperlakukan hukuman terhadap isteri terdapat tiga kaedah iaitu:

- i. Pertama, seorang suami perlulah menasihati isterinya sekiranya berlaku nusyuz. Menasihati isteri dengan memperingatkan tentang ilmu dan tanggungjawab isteri menurut syarak.
- ii. Kedua, mengasingkan tempat tidur isteri. Mengalihkan pandangan semasa tidur daripada melihat wajah isteri.
- iii. Ketiga, memukul isteri bagi mendidik isteri bukan membalas dendam.

Menjadi kesalahan bagi seorang suami melakukan hukuman terhadap isteri dengan melakukan hukuman memukul tanpa mendahulukan kaedah pertama dan kedua iaitu menasihati dan mengasingkan tempat tidur isteri. Seorang suami yang baik dalam memimpin keluaranya adalah seorang suami yang mampu mengikut tetapan syarak dan menjadi kewajipan seorang suami mendalami ilmu rumahtangga dan ilmu fardu ain serta ilmu fardu kifayah sebelum mendirikan rumahtangga. Had dan batasan dalam memukul isteri adalah seperti berikut:

- i. Pukulan yang dibuat tidak meninggalkan kesan
- ii. Pukulan yang dilakukan tidak mematahkan tulang
- iii. Pukulan tidak dilakukan di muka isteri
- iv. Tidak menggunakan tongkat atau cemeti

Memukul isteri dibenarkan berdasarkan ayat al-Quran. Seorang isteri wajib mematuhi segala perintah yang diberikan oleh suami selagi perintah yang dikeluarkan itu tidak melanggar mana-mana batas agama yang telah ditetapkan. Sekiranya tidak berhasil ketiga-tiga kaedah untuk menangani permasalahan, maka perdamaian menggunakan kaedah lain diperlukan. Oleh yang demikian, satu kefahaman dan pendedahan yang betul perlu disalurkan kepada setiap pasangan yang akan berkahwin agar dapat mengekalkan kerharmonian rumah tangga.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini telah menjelaskan mengenai satu garis panduan buat suami dalam menagani isteri yang nusyuz dan had pukulan yang di benarkan dalam menghukum isteri. Semoga penerangan ini dapat memberi penjelasan kepada maksud memukul isteri menurut syarak.

PENGHARGAAN

Penghargaan ini ditujukan khas buat ibu dan ayah penulis, pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Syariah UnIPSAS dan Pusat Pengurusan Siswazah Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah kerana memberi dorongan, peluang dan sokongan bagi menyiapkan penulisan ini.

RUJUKAN

- Al-Bakri, Z. M. (2017, September 27). *Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Didapatkan dari Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-206: <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/658-irsyad-al-fatwa-siri-ke-206-nusyuz-jika-mertua-membawa-isteri-keluar-tanpa-kebenaran-suami>
- An-Nawawi, I. (2011). *Syarah Shahih Muslim* (Jld. 11). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ayoub@Ayub, M. M. (2017, September 21). *Bayan Linnas Siri Ke-116: Kedudukan Sunnah Di Sisi Al-Qur'an*. Didapatkan dari Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/660-bayan-linnas-siri-ke-116-kedudukan-sunnah-di-sisi-al-qur-an>
- Aziz, A. A. (2009). *Fasakh dari Perspektif Syarak*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Erman. (2010). Nusyûz Isteri Dan Suami Dalam Al-Qur`an (Sebuah Pendekatan Tematis). *MARWAH (Jurnal Perempuan, Agama dan Jender)*, 9, 448.
- Fairuzabadi, A. T. (2011). *Tafsir Ibnu 'Abbas* (Jld. 1). Batu Caves: Al-Hidayah House Of Quran Sdn Bhd.
- Hamka. (2017). *Tafsir Al-Azhar Juzuk 5*. Batu Cave: PTS Publishing House Sdn.Bhd.
- Hifnawi, M. i. (2013). *Tafsir Al Qurthubi* (Jld. 5). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. (t.t). *Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan*. Didapatkan dari Perkahwinan: <http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/pustaka-media/perkahwinan>
- Lebar, O. (2022). *Penyelidikan Kualitatif (Pengenalan Kepada Teori Dan Metode) Edisi Kedua*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Michelle E. Kiger & Lara Varpio. (2020). Thematic Analysis of Qualitative Data: AMEE Guide No. 131. *Medical Teacher*, 846-854.
- Muhammad Najib Abd Wakil, et.all. (2021). Mas Kahwin di Pahang: Kiraan Semula Nilai Semasa. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 171-195.
- Norsaadah Din, et.all. (2014). Membina Perkahwinan Berdaya Tahan Sepanjang Hayat Melalui Pendekatan Al-Quran Dan Al-Sunnah. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS*, 174-187.
- Perpustakaan Nasional RI. (2011). *Al-Quran dan Tafsirnya (Edisi yang Disempurnakan)*. Jakarta: Widya Cahaya.
- Salam, N. (2015). Konsep Nusyuz Dalam Perspektif Al-Quran (Sebuah Kajian Tafsir Maudhu'i). *Jurnal Syariah dan Hukum*, 47-56.
- Syaikh, ' b. (2008). *Tafsir Ibnu Katsir* (Jld. 2). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Syaikh, ' b. (2008). *Tafsir Ibnu Katsir* (Jld. 8). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Wihidayati, S. (2017). Kebolehan Suami Memukul Isteri Yang Nusyuz Dalam Al-Quran. *Al-Istinbath : Jurnal Hukum Islam*, 2, 176-196.